

Program Menjana Jurutera Masa Depan I & II

Oleh : Mohd Mustafa Al Bakri



Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai kepentingan bidang kejuruteraan pada masa sekarang di samping memperkenalkan sistem pembelajaran Hands-On yang lebih memberi pendekatan kepada amali seperti yang diamalkan oleh KUKUM. Program ini juga membantu pelajar-pelajar mengenalpasti kerjaya-kerjaya yang mungkin menjadi salah satu kerjaya pelajar pada masa akan datang serta membantu meningkatkan motivasi para pelajar. Program ini bertemakan 'Engineering As My Destination'.

Program ini telah dua kali dianjurkan oleh KUKUM. Untuk Program Menjana Jurutera Masa Depan I yang diadakan pada 4 - 6 April 2003 adalah dikhaskan untuk pelajar-pelajar MRSM dari Taiping dan Beseri sahaja iaitu seramai 80 orang pelajar yang mempunyai pencapaian yang cemerlang dengan CGPA antara 2.70 - 3.50. Pelbagai aktiviti telah disusun sepanjang program tersebut antaranya Ceramah Motivasi, Forum Kerjaya, Pendedahan Makmal Kejuruteraan, Senamrobik serta Konservasi Alam yang diadakan di Gua Wang Burma. Satu Jamuan Makan malam bagi meraikan peserta program telah diadakan di Hotel Putra Palace. Program ini telah diadakan dengan jayanya sehingga ada di antara pelajar tersebut memberikan pendapat supaya program ini dipanjangkan terbahanya dan juga berpendapat Pendedahan Makmal Kejuruteraan amat berguna bagi semua pelajar.

Program Menjana Jurutera Masa Depan II pula telah diadakan pada 2 - 4 Mei 2003 dengan penyertaan daripada sekolah-sekolah seluruh negeri Perlis termasuk Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra (SMSTSP), Sekolah Kebangsaan Derma dan banyak lagi. Program ini telah dirasmikan oleh Y.A.B Dato Seri Shahidan Bin Kassim yang berlangsung di Hotel Putra Palace. Perasmian ini juga dihadiri oleh Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Perlis, Pn. Hjh. Dariah Saad dan Rektor KUKUM, Yg. Bhg. Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Dekan-Dekan serta Ketua-ketua Jabatan KUKUM. Pengisian program adalah sama seperti Program Menjana Jurutera Masa Depan I.

Negara kita sekarang menuju ke arah negara yang membangun. Oleh yang demikian, negara memerlukan ramai pakar profesional terutamanya dalam membangunkan teknologi yang terkini. Semua ini memerlukan pembentukan awal iaitu semenjak di bangku sekolah lagi. Oleh yang demikian, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) menyahut cabaran negara iaitu dengan menganjurkan Program Menjana Jurutera Masa Depan yang bertujuan meningkatkan lagi jumlah pelajar yang akan menjadi jurutera masa depan.



Dengan adanya program seperti ini, diharapkan negara kita dapat melahirkan lebih ramai tenaga profesional dalam menuju ke arah negara membangun. Program ini juga diharapkan dapat menambah pengetahuan kepada pelajar mengenai kepentingan bidang kejuruteraan pada masa kini dan memberi pemahaman mengenai sistem Hands-On yang diamalkan dalam sistem pembelajaran di KUKUM serta dapat menyuntik semangat kepada para peserta untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dengan adanya pendedahan awal suasana hidup sebagai mahasiswa.